

# UMS tidak pilih kasih beri kenaikan pangkat: Profesor

Gordon Chin DE 15-10-2014 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak pilih kasih dalam memberi kenaikan pangkat kepada kakitangan akademiknya tetapi ia bukan juga universiti yang mudah untuk memberi kenaikan pangkat.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, hakikatnya, universiti itu mengekalkan standard tinggi untuk kakitangan akademik mereka dan hanya memilih mereka yang berkelayakan penuh sama ada atas kertas dan berdasarkan kepada sikap mereka untuk dinaikkan pangkat.

"UMS tidak memilih siapa yang dinaikkan pangkat berdasarkan faktor-faktor lain selain kelayakan mereka dan tempoh perkhidmatan mereka dengan universiti itu. Dalam apa cara sekalipun, kami tidak pilih kasih atau kepada sesiapa pun.

"Dengan standard tinggi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat, peningkatan bilangan kakitangan akademik yang dinaikkan pangkat setiap tahun di UMS hanya menunjukkan betapa berkebolehan kakitangan akademik kami, sejak kriteria kenaikan pangkat kami ditetapkan pada tahap yang amat tinggi," katanya.

Harun berkata demikian sebelum menyerahkan surat tawaran kenaikan pangkat kepada 47 kakitangan pengajar UMS dalam satu majlis yang diadakan di Chanselori universiti tersebut di sini pada Selasa.

Menurutnya, kenaikan pangkat hanya diberikan kepada kakitangan yang memenuhi kelayakan hitam putih, tetapi mereka juga dinilai berdasarkan kepada sikap dan disiplin keseluruhan mereka.

"Mungkin sebahagian daripada kakitangan akademik kami telah memenuhi kelayakan yang diperlukan untuk dinaikkan pangkat, tetapi sekiranya kami mendapati mereka mempunyai masalah sikap dan disiplin, mereka tidak akan diberi tawaran kenaikan pangkat," tambahnya.

Harun berkata, perkara yang amat penting bagi sebuah universiti untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi bagi negara ini adalah komitmen dan tanggungjawab setiap anggota kakitangan terutamanya pensyarah-pensyarah dan profesor.

Antara mereka yang dinaikkan pangkat semasa majlis tersebut ialah Dr Lai Yew Meng yang berkhidmat dengan Pusat Pembelajaran dan Promosi Bahasa dan telah bersama UMS sejak 1997. Beliau dinaikkan pangkat profesor madya.

"Saya tentu sekali amat gembira dapat menerima kenaikan pangkat ini, yang mana juga adalah kenaikan kali ketiga di UMS dan adalah selamat untuk mengatakan bahawa semua kerja keras dan dedikasi saya sumbangkan telah berhasil dan saya amat berterima kasih kepada pihak pengurusan UMS kerana memberi kepercayaan kepada saya," katanya.

Lai berasal dari Kuala Lumpur, adalah orang yang pertama dinaikkan pangkat kepada pensyarah pada 1998, yang mana beliau berkhidmat sehingga 2005 sebelum dinaikkan pangkat kepada Pensyarah Kanan. Beliau telah berkahwin dengan seorang pensyarah tempatan UMS, Dr Maurene De Silva, yang berkhidmat dengan Fakulti Kemanusiaan, Kesenian dan Kewarisan.

"Sabah adalah tempat tinggal saya. Ia sebahagian daripada identiti saya. Berada di sini selama 20 tahun, kebanyakannya berada di UMS, universiti tersebut juga telah menjadi tempat kedua," tambahnya.

Turut menerima kenaikan pangkat ialah Dr Malehah Mohd Noh, seorang doktor perubatan sebagai profesionnya dan juga adalah seorang pensyarah di UMS. Beliau dinaikkan pangkat kepada Pensyarah Perubatan.

"Saya sudah lama berkhidmat sebagai seorang doktor perubatan dengan hospital-hospital kerajaan dan saya merasakan seperti saya boleh melakukan lebih daripada setakat seorang doktor - saya mahu mengajar orang bagaimana menjadi seorang doktor.

"Dari situlah apabila saya mengambil keputusan untuk menyertai UMS pada 2006 dan sejak itu, saya telah mengambil Sarjana dan kembali ke UMS pada 2011.

"Tiga tahun kemudian, saya dinaikkan pangkat. Puji Tuhan dan saya amat berterima kasih kepada sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan saya selama ini," katanya.